



Title : Analisis Terjemahan Buku “Keindahan di Langit”

Author(s) : (1) Muhammad Shazren bin Baherudin, (2) Muhammad Ashraf bin Shahabuddin, (3) Muhammad Wafi bin Abdullah, (4) Muhammad Amzar bin Ismail

Institution : Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Category : Article, Competition

Topic : Literature

ANALISIS TERJEMAHAN BUKU “KEINDAHAN DI LANGIT”

Muhammad Shazren Bin Baherudin

Muhammad Asraf Bin Shahabuddin

Muhammad Wafi Bin Abdullah

Muhammad Amzar Bin Ismail

Universiti Teknologi MARA (UiTM),

Shah Alam, Selangor, Malaysia.

1. PENDAHULUAN

Penterjemahan merupakan satu pertukaran mesej daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain. Mengikut kajian, penterjemahan mempunyai tradisi yang lebih lama berbanding mana-mana pekerjaan di dunia. Aktiviti dalam penterjemahan memainkan peranan penting bagi memastikan perkembangan dan pembangunan sesuatu ilmu dan kemahiran terus berkembang. Kegiatan terjemah merupakan kegiatan kritis dalam falsafah pembinaan sains nasional. Terjemahan merupakan batu asas yang mengizinkan kemajuan ilmu selanjutnya mekar berkembang di seantero dunia. Secara harfiah perkataan ‘tarjamah’ merujuk kepada perkataan arab yang bermaksud mentafsirkan perkataan dengan menggunakan perkataan yang lain. Hal ini merujuk kepada pentafsiran daripada bahasa asal kepada bahasa sasaran bagi membolehkan sesuatu maklumat atau mesej yang ingin dimaksudkan dapat disampaikan dengan tepat dan efisien.

Terdapat beberapa kaedah terjemahan yang wujud seperti kaedah lama dan kaedah terjemahan baru. Di bawah penterjemahan lama, apa yang lebih penting adalah pengekalan unsur-unsur seperti stilistik dan bahan yang terjemah perlu sama seperti di dalam teks sumber.

Manakala bagi kaedah baru pula, reaksi pembaca amat diberi perhatian dan juga penumpuan kepada persamaan dinamik berbanding literal.

Tambahan pula sistem penterjemahan juga menitik beratkan faktor seperti budaya sesuatu tempat kerana setiap budaya mempunyai tata cara hidup dan amalan tradisi sesuatu bangsa. Oleh sebab itu, amat penting seseorang penterjemah untuk menguasai budaya kedua-dua bahasa sumber dan bahasa Sasaran supaya apa yang cuba disampaikan kepada para pembaca dapat diperoleh dengan mudah dan faham.

Teks yang dipilih ialah buku *Glory In The Heavens* karangan Harun Yahya. Buku ini diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dengan tajuk *Keindahan Di Langit*. Secara umumnya, buku ini menerangkan tentang kewujudan galaksi yang dikaitkan dengan kebesaran Tuhan. Buku ini bergenre bukan fiksyen yang golongan Sasaran pembacanya adalah kanak-kanak.

2. ANALISIS TEKS

Dalam bahagian ini, tumpuan akan diberikan kepada analisis terjemahan terhadap teks yang dipilih. Analisis terjemahan ini akan merangkumi analisis kontrastif, analisis padanan makna, kaedah-kaedah terjemahan dan analisis kaedah peristilahan. Analisis ini akan disertakan dengan contoh-contoh yang dipetik daripada teks yang telah dipilih.

2.1. Analisis Kontrastif

Analisis kontrastif merupakan satu pembelajaran terhadap dua bahasa dengan tujuan untuk mengenalpasti kelainan dan juga kesamaan yang wujud diantara bahasa-bahasa tersebut sama ada daripada segi linguistik dan juga budaya. Menurut Robert Lado (1975), analisis kontrastif membincangkan aspek-aspek bahasa untuk tujuan pembelajaran dan pemahaman satu-satu bangsa melalui penelitian terhadap fonologi, morfologi, dan semantik yang digunakan dalam bahasa sasaran dan diterjemah kepada bahasa terjemahan. Analisis ini boleh dilihat daripada tiga jenis iaitu kata, frasa dan juga ayat.

2.1.1. Perbandingan Pada Peringkat Kata

(a) Penjamakan

Perbandingan pada peringkat kata selalunya tertumpu kepada penggunaan bahasa dalam aspek golongan kata yang terletak dibawah bidang morfologi nahu bahasa Melayu. Perbandingan yang dibuat adalah melalui perbezaan cara penggunaan Kata Nama apabila proses penjamakan berlaku. Dalam bahasa Inggeris, proses penjamakan berlaku melalui pengubahan bentuk asal kata nama tersebut dan akan menerima imbuhan ataupun *suffix*. Tetapi dalam bahasa Melayu, penjamakan dilakukan dengan menggandakan sesuatu perkataan tersebut. Walau

bagaimanapun, penggandaan sesuatu perkataan itu bergantung kepada perkataan tersebut kerana kadangkala sesetengah perkataan itu sudah bermakna jamak. Perbezaan dalam proses penjamakan diantara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu boleh lihat contoh di bawah. Sebagai contoh:

Contoh pertama:

Teks sumber: *Sometimes, their **orbits** bring them closer to the sun.*

Teks sasaran: *Kadangkala, **orbit-orbit** mereka membawa mereka menghampiri matahari.*

Kata Nama yang terdapat di dalam ayat diatas adalah **orbit** dan **matahari**. Namun, analisis perbandingan pada peringkat kata lebih tertumpu kepada penggunaan Kata Nama **orbit**. Di dalam bahasa Inggeris, penjamakan perkataan **orbit** dilakukan dengan menambah *-s* di akhir perkataan. Pendekatan yang berbeza dilakukan oleh bahasa Melayu apabila proses penjamakan Kata Nama **orbit** dilakukan dengan menggandakan Kata Nama tersebut iaitu **orbit-orbit**. Tambahan lagi, pendekatan yang sama juga telah digunakan di dalam contoh yang kedua apabila kata nama **arms** telah dijamakan kepada **tangan-tangan** dalam bahasa Inggeris. Justeru, kelainan di antara dua bahasa dapat dilihat melalui proses penjamakan kata nama dalam penstrukturran ayat.

Contoh Kedua:

Teks sumber: *With their **arms** and centres, **galaxies** are the biggest celestial bodies in space.*

Teks sasaran: *Dengan **tangan-tangan** dan pusatnya, **galaksi-galaksi** adalah objek angkasa terbesar di angkasa.*

Bagi contoh kedua pula, proses penjamakan boleh dilihat pada perkataan **arms**. Imbuhan -s telah ditambah di akhir perkataan bagi menunjukkan bahawa perkataan itu merujuk kepada sesuatu yang banyak. Tetapi apabila teks sumber tersebut diterjemah ke dalam bahasa Melayu, perkataan tersebut turut berubah kerana proses penjamakan diantara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris adalah berbeza. Pada teks sasaran, **arms** atau kata dasar dalam bahasa Melayu adalah **tangan** telah digandakan menjadi **tangan-tangan** kerana **tangan-tangan** merujuk kepada sesuatu yang banyak dari segi kuantiti. Contoh yang berikutnya boleh lihat dibawah;

Contoh Ketiga:

Teks Sumber: *Stars and planets come into existence through the compression of the masses of gases and dust in space called "nebulae".*

Teks Sasaran: *Bintang-bintang dan planet-planet terbentuk melalui pemampatan jirim-jirim gas dan debu di angkasa yang dinamakan “nebula”.*

Contoh Keempat:

Teks Sumber: *From these scattered pieces, there emerge the elements that contribute to the construction of relatively smaller stars and planets.*

Teks Sasaran: *Daripada pecahan-pecahan ini, ia membentuk elemen-elemen yang menyebabkan kemusnahan bintang-bintang dan planet-planet kecil yang berdekatan.*

Contoh kelima:

Teks Sumber: *Every planet within the Solar System has different features.*

Teks Sasaran: *Setiap planet di dalam Sistem Suria ini mempunyai ciri-ciri berbeza.*

(b) Tanda Possessive

Penggunaan tanda *possessive* dalam dalam bahasa Inggeris merupakan salah satu perbezaan yang jelas diantara bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Tanda *possessive* merujuk kepada penggunaan tanda baca *apostrophe* atau (‘). *Apostrophe* merupakan tanda baca yang digunakan dengan tujuan untuk membentuk kepemilikan (possessive form), penjamakkan (plural), dan juga penghilangan huruf atau angka (contraction). Kebiasaannya, *Apostrophe* diletakkan selepas kata nama tunggal atau kata nama jamak untuk menunjukkan bahawa kata nama tersebut memiliki sesuatu. Sebagai contoh:

Contoh pertama:

Teks sumber: *This means the speed of Earth's rotation around the Sun is 540 times the speed of a car.*

Teks sasaran: *Ini bererti kelajuan **Bumi** bergerak mengelilingi matahari adalah 540 kali lebih laju daripada kelajuan kereta.*

Berdasarkan contoh di atas, terdapat penggunaan tanda *possessive* dalam bahasa sumber. Tanda *possessive* tersebut digunakan dengan tujuan untuk menunjukkan pemilikan kepada kata nama *bumi*. Manakala, tanda possessive tidak perlu diguna pakai dalam bahasa Melayu untuk menunjukkan pemilikan. Tanpa tanda *possessive*, ayat bahasa sasaran tersebut masih lengkap dan betul dari segi tatabahasa dan juga struktur ayat. Ini merupakan salah satu perbezaan yang terdapat diantara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris pada peringkat kata.

Contoh kedua:

Teks Sumber: *each piece of information we learn about the universe reminds us of Allah's existence and His creation of it.*

Teks Sasaran: *setiap cebisan maklumat yang kita pelajari tentang alam ini mengingatkan kita kepada kewujudan Allah dan penciptaan-Nya.*

Situasi yang sama berlaku dalam contoh di atas. Berdasarkan ayat diatas, tanda possessive ditambah di akhir perkataan Allah untuk menerangkan perkara yang berada di hadapannya. Perkataan ***existence*** atau dalam bahasa Melayu bermaksud ***kewujudan*** dan ***Allah's existence*** merujuk kepada kewujudan yang dimiliki oleh Allah. Contoh yang berikutnya boleh rujuk di bawah;

Contoh ketiga:

Teks Sumber: *A huge star's life often ends in an immense explosion.*

Teks Sasaran: *Sebuah bintang gergasi selalunya mati di dalam letupan besar.*

(c) Penggunaan Article

Perbezaan yang seterusnya ialah penggunaan *article a*, “*an*” dan “*the*” dalam bahasa Inggeris. Bagi *article “a”* dan “*an*”, ia digunakan sebelum kata nama yang umum atau identiti kata nama tersebut tidak dikenal pasti. Penggunaan “*a*” atau “*an*” bergantung kepada bunyi perkataan selepasnya itu. Jika perkataan selepas *article* tersebut bermula dengan huruf vokal, maka *article “an”* perlu digunakan. Persamaan diantara kedua-dua *article* ini adalah ia mesti

digunakan sebelum kata tunggal (*singular*), dan tidak boleh digunakan bersama-sama dengan kata ganda (*plural*). Sebagai contoh:

Contoh pertama:

Teks Sumber: *the Milky Way also has a galactic centre.*

Teks Sasaran: *Bimasakti juga mempunyai pusat galaksi.*

Berdasarkan contoh di atas, *article “a”* digunakan sebelum perkataan **galactic centre** atau dalam bahasa Melayu, pusat galaksi. Ini kerana, **galactic centre** merujuk kepada satu benda, atau kata tunggal. Tambahan lagi, perkataan **galactic centre** itu tidak bermula dengan huruf vokal menyebabkan *article a* harus diguna pakai.

Contoh kedua:

Teks Sumber: *A huge star's life often ends in an immense explosion...*

Teks Sasaran: *Sebuah bintang gergasi selalunya mati di dalam letupan besar...*

Contoh kedua adalah sedikit berbeza dengan contoh pertama. Berdasarkan contoh di atas, *article “a”* tidak diguna pakai, sebaliknya *article “an”* adalah lebih sesuai dalam konteks ayat tersebut. Ini kerana, perkataan selepas *article* tersebut bermula dengan huruf vokal iaitu huruf *i* atau **immense**.

Contoh ketiga:

Teks Sumber: ... *and to move in **an** organised manner.*

Teks Sasaran: ... *dan bergerak dengan cara paling tersusun.*

Manakala, pengunaan *article “the”* pula sedikit berbeza berbanding *article* yang sebelumnya.

Ini kerana *article “the”* hanya digunakan untuk merujuk kepada kata nama yang spesifik dan khusus. *Article “the”* mestilah ditulis sebelum sesuatu kata nama itu hadir. Sebagai contoh:

Contoh pertama:

Teks Sumber: *Some of **the** planets are entirely composed of gases.*

Teks Sasaran: *Sebahagian planet terdiri daripada gas-gas keseluruhannya.*

Berdasarkan contoh di atas, *article “the”* diguna pakai sebelum perkataan *planets*. Ini kerana, *planets* dalam konteks ayat di atas merujuk kepada kata nama yang spesifik. Kata nama *planets* tersebut dianggap sebagai spesifik kerana pembaca dapat faham konteks ayat tersebut walaupun ia tidak dijelaskan di dalam ayat itu akan perkataan *planets*. Contoh yang hampir sama boleh rujuk di bawah;

Contoh kedua:

Teks Sumber: ***The** Milky Way is **the** name of the galaxy in which our Earth is located.*

Teks Sasaran: *Bimasakti adalah nama bagi galaksi di mana terletaknya Bumi kita.*

Berdasarkan teks sumber di atas, *article “the”* hadir sebelum perkataan *Milky Way* atau *name*.

Ini kerana, kedua-dua perkataan tersebut merujuk kepada sesuatu yang spesifik.

(d) Sistem Kala

Perbezaan yang berikut ialah sistem kala. Dalam bahasa Inggeris, sistem kala merujuk kepada masa sesuatu ayat ditulis atau dikatakan, ataupun ayat yang lebih mudah difahami sistem ini dikenali sebagai *tense*. Terdapat pelbagai *tense* dalam bahasa Inggeris antaranya *Past Tense* (kata lampau), *Present Tense* (kata kini), dan *Future Tense* (kata depan). Diantara contoh terjemahan unsur kala (*tense*) dalam bahasa Inggeris dan disesuaikan penggunaanya dalam bahasa Melayu adalah;

“-ed” = telah

“will” dan “would” = akan

“is/am” = sedang.

Contoh dalam teks kajian pula berkenaan dengan sistem kala boleh dilihat di bawah;

Contoh pertama:

Teks Sumber: *You will probably remember what a galactic centre is since we **discussed** it in the previous section.*

Teks Sasaran: *Sudah tentu kamu masih ingat apa itu pusat galaksi kerana kita **baru sahaja membincangkannya** di bahagian lepas.*

Berdasarkan contoh diatas, kata nama *discuss* merupakan kata dasar bagi perkataan bincang. Namun, teks sumber menggunakan unsur-unsur kala lampau dengan menambah perkataan *-ed* di hujung kata nama *discuss*. Penggunaan *-ed* merujuk kepada sesuatu yang telah berlaku. Oleh itu, terjemahannya di dalam bahasa melayu menjadi ***baru sahaja membincangkannya*** merujuk kepada perkara yang telah berlaku.

Contoh kedua:

Teks Sumber: *The Sun (and our solar system) is revolving around the centre of the galaxy,...*

Teks Sasaran: *Matahari (dan sistem Suria kita) mengelilingi pusat galaksi ini,...*

Berdasarkan contoh di atas, terdapat penggunaan sistem kala kini dalam teks sumber. Ini dapat ditentukan melalui penggunaan kata kini iaitu penggunaan *is* di dalam tersebut. Dalam bahasa Melayu, kata kini *is* boleh diterjemahkan menjadi *sedang*. Walau bagaimanapun, tiada penggunaan perkataan *sedang* dalam teks sasaran di atas. Ini kerana, perkataan *mengelilingi* sudah menunjuk bahawa perkara itu sedang berlaku. Justeru, ayat di dalam teks sasaran tersebut masih lengkap walaupun perkataan *sedang* tidak digunakan. Contoh yang berikutnya boleh lihat di bawah;

Contoh ketiga:

Teks Sumber: *Allah created them and the laws to which they are subject.*

Teks Sasaran: *Allah menjadikan mereka dan undang-undang yang mengawal mereka.*

2.1.2 Perbandingan Pada Peringkat Frasa

(a) Hukum DM (Diterangkan-Menerangkan)

Terdapat perbezaan di antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris pada peringkat frasa. Antaranya ialah penggunaan hukum DM. Hukum DM merujuk kepada peraturan menyusun kata nama majmuk dan ayat yang mendahului unsur yang diterangkan (diringkaskan menjadi D) dan mengemudiankan kata sifat yang menerangkan (diringkaskan sebagai M). Tetapi dalam bahasa Inggeris, kata sifat atau kata adjektif ditulis sebelum kata nama. Lihat contoh di bawah:

Contoh pertama:

Teks Sumber: *The stars inside these centres are older stars.*

Teks Sasaran: *Bintang-bintang di dalam pusat-pusat ini adalah bintang-bintang tua.*

Berdasarkan contoh di atas, kata nama **stars** diletakkan selepas kata sifat **older** atau dalam bahasa Melayu, bermaksud tua. Walau bagaimanapun, susunan frasa bagi kedua-dua perkataan ini berbeza apabila diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Ini kerana, bahasa Melayu mengaplikasikan hukum DM. Berdasarkan teks sasaran, kata nama **bintang-bintang** berada di belakang kata sifat **tua**. **Bintang-bintang** merupakan subjek yang diterang, manakala **tua** merupakan perkataan yang menerang.

Contoh kedua:

Teks Sumber: *Every planet within the Solar System has different features.*

Teks Sasaran: *Setiap planet di dalam Sistem Suria ini mempunyai ciri-ciri berbeza.*

Merujuk contoh di atas, **features** atau dalam bahasa melayu bermaksud **ciri-ciri** merupakan kata nama. Walau bagaimanapun, merujuk pada teks sasaran di atas, kata nama **features** telah diletakkan selepas kata sifat **different** atau dalam bahasa Melayu bermaksud **berbeza**. Ini kerana, sistem frasa dalam bahasa Inggeris tidak sama seperti hukum DM yang diguna pakai dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa Inggeris, kata sifat atau kata adjektif ditulis sebelum kata nama itu hadir.

Contoh ketiga:

Teks Sumber: *Our Earth is one of the planets within this group.*

Teks Sasaran: **Bumi kita** adalah satu daripada planet-planet di dalam kumpulan ini.

Berdasarkan teks sumber di atas, kata nama **Earth** atau **Bumi** diletakkan selepas kata adjektif **Our** atau **Kita**. Tetapi frasa tersebut berbeza dalam bahasa Melayu yang mana kata nama **Earth** atau **Bumi** hadir sebelum kata adjektif **Our** atau **Kita**.

2.1.3 Perbandingan Pada Peringkat Ayat

Akhir sekali, kategori yang ketiga dalam analisis kontrastif ialah perbandingan pada peringkat ayat. Dalam konteks ayat bahasa Inggeris misalnya, penggunaan *who*, *that*, *which* dan lain-lain lagi berperanan untuk menggabungkan dua ayat tunggal dan menjadi satu ayat majmuk yang baik. Tetapi dalam bahasa Melayu, penggunaan perkataan-perkataan tersebut boleh diganti dengan menggunakan kata hubung dalam konteks ayat.

Contoh pertama:

Teks Sumber: *These nine planets, which are a part of our Solar System...*

Teks Sasaran: *Sembilan planet-planet ini, yang menjadi sebahagian daripada Sistem Suria kita...*

Berdasarkan teks sumber di atas, ia menggunakan perkataan **which** yang berfungsi sebagai kata hubung untuk menggabungkan dua ayat tunggal menjadi satu ayat majmuk. Dalam bahasa Inggeris, ia dikenali sebagai *relative pronoun*. Walau bagaimanapun, apabila diterjemah ke dalam bahasa Melayu, perkataan **which** tersebut yang mempunyai makna tersendiri dalam

bahasa Melayu telah digantikan dan disesuaikan dengan kata hubung *yang*. Hal ini kerana, penggunaan perkataan *which* dalam teks sumber adalah bertujuan untuk berfungsi sebagai *relative pronoun*. Oleh yang demikian, perkataan *which* berdasarkan konteks yang di atas tidak boleh diterjemah secara literal kerana perkataan tersebut adalah bertujuan untuk berfungsi sebagai kata hubung.

Contoh kedua:

Teks Sumber: *Would you believe someone **who** says he had heard the stones talking to each other in this way?*

Teks Sasaran: *Apakah kamu akan percaya seorang **yang** menyatakan telah mendengar batu-batu bercakap sesama mereka dengan cara ini?*

Merujuk kepada teks sumber di atas, perkataan *who* telah digunakan bertujuan untuk berfungsi sebagai kata hubung di antara dua ayat tunggal di atas. Walau bagaimanapun, apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, perkataan *who* tersebut tidak diterjemah secara literal tetapi telah digantikan dan disesuaikan dengan kata hubung yang sedia ada dalam bahasa Melayu iaitu *yang*. Ini kerana, penggunaan perkataan *who* dalam teks sumber di atas bertujuan untuk berfungsi sebagai kata hubung atau *relative pronoun*.

Contoh ketiga:

Teks Sumber: *Nor is it possible for the laws **that** govern these stars to have formed by themselves.*

Teks Sasaran: *Tidak mungkin juga undang-undang **yang** mengatur bintang-bintang ini membentuk dengan sendirinya.*

2.2 Kaedah-Kaedah Terjemahan

Terdapat dua kaedah penterjemahan, iaitu kaedah formal dan kaedah dinamik. Kaedah formal digunakan untuk menterjemah teks sumber dengan memfokuskan kepada persamaan formal. Terjemahan dinamik boleh didefinisikan sebagai suatu kaedah pembawaan mesej teks asal yang hendak disampaikan ke dalam teks Sasaran sama dari segi kesan pembacaan. Vinay dan Darbelnet (2013) telah menyenaraikan tujuh kaedah berdasarkan dua kategori tersebut. Pertama, kaedah formal terdiri daripada kaedah pinjaman, peniruan, dan penggantian/literal. Seterusnya, kaedah dinamik yang daripada kaedah transposisi, modulasi, persamaan, dan penyesuaian. Walaupun begitu, kaedah-kaedah ini mempunyai tujuan yang sama, iaitu untuk menghasilkan terjemahan yang mudah difahami oleh para pembaca di samping mengekalkan bentuk dan mesej asal sebagaimana teks sumber.

2.2.1 Kaedah Penggantian

Kaedah ini digunakan dengan menterjemahkan atau menggantikan perkataan atau frasa dalam ayat tanpa perlu melakukan perubahan yang besar terhadap kedudukan struktur atau susunannya.

Teks Sumber	Teks Sasaran
<i>there are four arms</i>	Terdapat empat tangan
<i>now, let us proceed to the stars</i>	Sekarang, mari kita beralih kepada bintang
<i>therefore, it is hard to see them</i>	oleh itu, sukar untuk melihatnya
<i>stars give off heat, light and energy</i>	Bintang memberikan kepanasan, cahaya dan tenaga
<i>There are many stars much bigger then it</i>	terdapat banyak bintang-bintang lebih besar daripadanya

Berdasarkan contoh-contoh di atas, penterjemah telah menterjemah teks asal secara literal di mana setiap satu perkataan dalam bahasa Inggeris digantikan ke dalam bahasa Melayu tanpa melakukan perubahan yang besar terhadap kedudukan struktur ayat. Sebagai contoh lihat terjemahan ***there are four arms***, penggantian dilakukan dengan menggantikan perkataan ***there are*** dengan ***terdapat*** dan ***four arms*** dengan ***empat tangan***. Terjemahan ini dilakukan secara literal tanpa mengubah struktur ayat.

Begini juga dengan contoh ***stars give off heat, light and energy***. Tiada perubahan berlaku pada struktur ayat. Perkataan ***stars*** digantikan dengan ***bintang***, ***give off*** diterjemahkan kepada ***memberikan*** makakala ***light and energy*** diterjemah kepada ***cahaya dan tenaga***. ***Older stars*** yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu, perkataan ***star*** atau ***bintang*** yang diletakkan di hadapan frasa. Hal ini kerana, ***Olders*** atau ***tua*** yang akan menerangkan perihal ***bintang*** tersebut.

2.2.2 Kaedah Pinjaman

Pinjaman kata berlaku hasil daripada pertembungan bahasa atau konteks bahasa. Kaedah ini boleh dianggap sebagai kaedah yang membenarkan kata atau perkataan daripada bahasa sumber digunakan dalam bahasa Sasaran terutamanya apabila sesuatu unsur tidak wujud atau tiada padanan yang sesuai di dalam bahasa Sasaran.

2.2.2.1 Kaedah Pinjaman Langsung

Teks Sumber	Teks Sasaran
<i>gas</i>	gas
<i>planet</i>	planet
<i>pluto</i>	pluto

Berdasarkan contoh-contoh di atas, penterjemah telah menggunakan kaedah pinjaman di mana kata dalam bahasa Inggeris dipinjam secara langsung kerana kata tersebut tidak wujud atau tiada padanan yang sesuai dalam bahasa Melayu. Perubahan tidak dilakukan mahupun pada ejaan atau sebutan perkataan tersebut. Ejaan, sebutan dan makna perkataan-perkataan di atas tidak berubah.

Perkataan ***nebuulae*** disesuaikan dengan bahasa sasaran dengan membuang perkataan *e*. Begitu juga dengan ***elements***, ***-ts*** dibuang untuk disesuaikan dengan ejaan bahasa sasaran.

2.2.3 Kaedah Persamaan

Dalam kaedah ini persamaan yang perlu dilakukan oleh seseorang penterjemah ialah persamaan yang paling hampir dan persamaan yang paling bersahaja. Dalam erti kata lain, terdapat dua jenis kaedah persamaan iaitu persamaan terdekat dan persamaan bersahaja.

Contoh persamaan bersahaja:

Teks Sumber	Teks Sasaran
<i>big and average</i>	besar dan sederhana
<i>however</i>	tetapi
<i>For instance</i>	Contohnya
<i>Moreover</i>	Tambahan pula

Melihatkan contoh-contoh di atas, penterjemah melakukan terjemahan secara bersahaja.

Contohnya ***big and average*** secara bersahaja diterjemah kepada ***besar dan sederhana***.

2.2.4 Kaedah Pengguguran

Kaedah pengguguran sering digunakan dalam proses penterjemahan dengan tujuan bagi mengelakkan teks sasaran terlalu terikat dengan struktur teks sumber. Kaedah ini diaplikasikan oleh penterjemah untuk memudahkan bahasa teks sasaran dan memberi pemahaman yang lebih

kepada pembaca. Proses pengguguran perkataan perlu dilakukan dengan teliti agar makna teks sumber tidak berubah. Sebagai contoh:

Teks Sumber	Teks Sasaran
<i>infinite wisdom</i>	kebijaksanaan
<i>centre of this spiral-shaped galaxy</i>	pusat galaksi ini

Dalam contoh di atas, penterjemah menggugurkan perkataan ***spiral-shaped*** daripada teks sumber dan hanya menterjemahkan perkataan ***centre of this galaxy*** kepada ***pusat galaksi ini***. Maksud ayat tidak berubah kerana perkataan ***spiral-shaped*** tidak membawa makna yang berat kepada makna ayat yang ingin disampaikan oleh teks sumber. Perkataan ***spiral-shaped*** digunakan di dalam teks sumber hanya dikira sebagai penceritaan sifat galaksi semata-mata.

2.2. Padanan Makna

Setiap perkataan mewakili berbagai-bagai makna yang tersendiri. Kepelbagaiannya makna terletak sama ada pada penggunaan bahasa, laras bahasa, maksud perkataan, ataupun budaya teks sumber tersebut. Umpamanya makna rujukan, makna emosi, makna pantangan, makna konotasi dan makna figuratif.

2.2.1. Makna Rujukan

Tiap-tiap perkataan mempunyai lebih dari satu makna, oleh itu makna tiap-tiap perkataan adalah kabur, samar ataupun tidak tepat. Walaupun begitu, makna yang sama akan menjadi jelas apabila adanya konteks yang akan mengiringi kehadiran perkataan tersebut. Konteks itu ialah perkataan-perkataan lain yang hadir bersama perkataan itu.

Contoh pertama:

Teks sumber: *In this chapter, we will **dwell** on the planets...*

Teks sasaran: *Di dalam bab ini, kita akan **bercakap** dengan panjang lebar tentang planet-planet...*

Lihat perkataan *dwell* yang mempunyai banyak masuk di dalam bahasa Inggeris. Perkataan *dwell* juga membawa maksud tinggal di sesuatu tempat dan juga bermaksud bercakap atau berfikir. Namun, penterjemah memilih padanan yang sesuai dalam bahasa sasaran iaitu *bercakap* kerana ia menepati konteks ayat yang ingin disampaikan penulis.

Contoh kedua:

Teks sumber: *Think about cartoon films or movies about **space**...*

Teks sasaran: *Fikirkan tentang filem atau cerita kartun tentang **angkasa**...*

Lihat contoh seterusnya, perkataan *space* juga membawa banyak makna. *Space* juga boleh ditakrifkan sebagai ruang. Namun, mengikut konteks ayat, penterjemah menggunakan padanan perkataan *angkasa*.

2.2.2. Makna Konotasi

Padanan makna konotasi merujuk kepada makna tambahan yang dimiliki oleh sesuatu perkataan. Ia juga disebut sebagai makna yang tersirat. Walaupun makna tambahan terdiri daripada perkataan yang berbeza, ianya masih membawa makna denotasi (tersurat) yang sama. Perbezaannya terletak pada makna konotasi (tersirat) yang membawa maksud positif, negatif, atau idea yang cuba disampaikan. Contohnya,

Contoh pertama:

Teks sumber: *This is the **number** of stars in the smallest galaxies.*

Teks sasaran: *Ia adalah **Jumlah** bintang-bintang di dalam galaksi-galaksi kecil.*

Dalam contoh di atas, penggunaan perkataan *number* diterjemahkan kepada *Jumlah*. Secara literalnya, terjemahan perkataan *number* boleh sahaja ditukar kepada perkataan *nombor*, *angka* atau *bilangan*. Namun, perkataan *Jumlah* dipilih oleh penterjemah kerana bersesuaian dengan idea yang cuba disampaikan oleh teks sumber. Perkataan *nombor* dan *angka* adalah kata nama yang dirujuk sebagai tanda yang menyatakan bilangan. *Jumlah* pula merujuk kepada campuran daripada beberapa bilangan, dan maksud ini dikira lebih bertepatan dengan teks sumber.

2.2.3. Makna Kolokasi

Padanan makna kolokasi digunakan apabila terdapat makna yang berbeza berdasarkan penggunaan sesuatu kata pada tempat tertentu bersama-sama perkataan lain. Makna yang melibatkan hubungan sesuatu kata dengan kata lain dalam lingkungan tertentu. Contoh penggunaan kaedah kolokasi dalam teks ialah:

Teks sumber: *Without such a balance, satellites **would become stuck to** the planets or break loose into space.*

Teks sasaran: *Tanpa keseimbangan seperti ini, satelit **akan melekat pada** planet atau **terlepas ke angkasa**.*

Penggunaan kaedah kolokasi dapat dilihat pada penggunaan bahasa pada terjemahan frasa *would become stuck to*. Secara literal, frasa tersebut boleh sahaja diterjemah kepada *akan tersangkut pada* atau *akan tersekat pada*. Namun, dengan mengaplikasikan padanan

makna kolokasi penterjemah memilih untuk menterjemahkan frasa tersebut kepada *akan melekat pada*. Hal ini demikian kerana, dengan tujuan untuk menjaga makna hubungan dalam ayat tersebut, penggunaan *akan melekat pada* adalah lebih sesuai dan berada di dalam lingkungan maksud ayat yang membincangkan tentang proses semula jadi yang berlaku di bimasakti.

2.2.4. Makna Stilistik

Makna yang merujuk kepada penggunaan bahasa dalam situasi sosial tertentu yang bertujuan untuk merujuk kepada situasi sosial di mana sesuatu ujaran itu berlaku. Ujaran penutur dan pendengar dapat menentukan bunyi atau kata yang dilafazkan. Daripada makna stilistik ini, kita dapat menentukan asal-usul atau kedudukan geografi penutur, hubungan sosial antara penutur dan pendengar, kedudukan status mereka atau pun kita dapat mengetahui bahasa yang digunakan itu adakah loghat, dialek atau bahasa baku. Antara ciri-ciri dapat dilihat melalui penggunaan laras yang umum seperti laras bahasa sains.

Contoh:

Teks sumber:*The Milky Way is the name of the galaxy in which our Earth is located.*

Teks sasaran:**Bimasakti** adalah nama bagi galaksi di mana terletaknya Bumi kita.

Merujuk kepada contoh teks di atas, perkataan *Milky way* tidak diterjemah secara literal iaitu yang bermaksud *laluan susu* tetapi dilaraskan ke dalam penggunaan bahasa sains yang merujuk kepada **Bimasakti**.

2.2.5. Makna Tematik

Makna tematik merujuk kepada cara penggunaan bahasa yang menyusun mesej dengan mengikut fokus atau tekanan dalam penulisannya. Misalnya, penyampaian ayat aktif berbeza

dengan penyampaian di dalam ayat pasif, namun maksud ayat tersebut masih sama. Kesilapan pada penekanan atau penegasan boleh menyebabkan makna ayat teks sumber berubah. Sebagai contoh:

Teks sumber: *Neither the Earth nor the Moon is a star.*

Teks sasaran: *Bumi dan bulan bukan bintang.*

Dalam contoh terjemahan di atas, penekanan penafian pada ayat teks sumber terletak di awal dan di tengah ayat, dengan menggunakan frasa *neither...nor...* Berbeza dengan ayat teks sasaran, penekanan penafian dibuat hanya sekali iaitu di tengah ayat dengan menggunakan frasa ..*bukan*.... Walaupun, penekanan dibuat pada tempat yang berbeza, maksud ayat masih dapat dikekalkan.

2.3. Peristilahan

Peristilahan merupakan usaha mencipta atau menggubal kata baru, terutamanya untuk menyampaikan ilmu pengetahuan khusus dalam sesuatu bidang ilmu atau profesional. Istilah boleh dibentuk melalui proses pinjam terjemah atau melalui istilah pinjaman. Menurut Sulaiman Masri (1993), istilah ialah suatu lambang linguistik yang berupa huruf, bentuk bebas yang gramatis dan sistematis, yang mengandungi timbunan konsep atau objek khas dalam bidang tertentu. Oleh kerana teks yang dipilih menjurus kepada bidang sains, maka fokus akan diberikan kepada istilah-istilah berkaitan ilmu sains.

2.3.1. Kaedah Penggantian

Kaedah penggantian atau kaedah harfiah merupakan kaedah yang digunakan bagi menterjemah istilah yang mempunyai padanan dalam bahasa sasaran. Setiap perkataan dalam bahasa sumber dapat digantikan dengan padanannya yang terdapat dalam bahasa sasaran. Struktur yang

digunakan dalam bahasa sasaran kebanyakannya tidak mempunyai banyak perbezaan dengan struktur daripada bahasa asal. Hal ini kerana, kebiasaannya kaedah penggantian ini digunakan dalam teks yang ringkas. Lihat contoh di bawah:

Teks sumber: *In this chapter, we will dwell on the planets and other bodies in the universe.*

Teks sasaran: *Di dalam bab ini, kita akan bercakap dengan panjang lebar tentang planet-planet dan objek-objek lain di alam semesta.*

Perkataan *universe* telah digantikan dengan perkataan yang sepadan dalam bahasa sasaran iaitu *alam semesta*.

2.3.2. Kaedah Pinjaman Langsung/Terus

Kaedah pinjaman langsung ini dilakukan dengan meminjam terus istilah tersebut daripada bahasa asal kepada bahasa sasaran. Kebiasaannya kaedah ini dilakukan apabila istilah tersebut merupakan istilah atau konsep baru yang tiada dalam bahasa sasaran.

Teks sumber: *All celestial objects are enormous. For instance, our planet Earth*

Teks sasaran: *Semua objek-objek angkasa ini sangat besar. Contohnya, planet kita Bumi....*

Perhatikan perkataan *planet*, pinjaman dilakukan secara terus tanpa mengubah ejaan perkataan *planet*.

2.3.3. Kaedah Pinjaman Ubah Suai

Kaedah ini merupakan kaedah yang digunakan dengan meminjam perkataan daripada bahasa asal dan melakukan sedikit penukaran dari segi ejaan untuk menyesuaikan istilah tersebut dengan bahasa sasaran. Lihat contoh-contoh di bawah untuk menjelaskan lagi perihal kaedah pinjaman ubah suai.

Contoh pertama:

Teks sumber: *Galaxies are composed of billions of stars.*

Teks sasaran: *Galaksi adalah gabungan berbilion bintang.*

Contoh kedua:

Teks sumber: *If you put two more zeros next to the number 1,000,000,000, it becomes 100,000,000,000 (one hundred billion).*

Teks sasaran: *Jika kamu menambahkan dua lagi sifar selepas angka 1,000,000,000, ia menjadi 100,000,000,000 (seratus bilion)*

Contoh ketiga:

Teks sumber: *In astronomy, a primary is something that another body revolves about.*

Teks sasaran: *Di dalam ilmu astronomi, satu primer bererti satu objek yang dikelilingi oleh objek lain.*

Ejaan perkataan *Galaxies* telah diubah dengan menggantikan huruf *x* kepada *k* misalnya untuk disesuaikan dengan sebutan dan ejaan bahasa sasaran. Manakala dalam contoh kedua, perkataan *billion* telah diubah suai dengan menggantikan kepada *bilion* yang mana hanya jumlah huruf ‘l’ berbeza dengan teks sumber. Di samping itu, dalam contoh ketiga perkataan *astronomy* telah ditukar menjadi *astronomi* dalam bahasa sasaran apabila ejaan adalah sama seperti teks sumber tetapi hanya ditukar huruf *y* ke huruf *i* bagi disesuaikan dalam bahasa sasaran.

2.3.4. Kaedah Pinjaman Separa

Kaedah ini dilakukan dengan sebahagian kata sahaja dipinjam, manakala sebahagian kata lagi diberi padanan dalam bahasa sasaran.

Teks sumber: *The group of planets called the "Solar System"...*

Teks sasaran: *Kumpulan planet yang dikenali sebagai “Sistem Suria”...*

Berdasarkan contoh diatas, perkataan *system* telah dikekalkan dan hanya diubah ejaan manakala perkataan *solar* telah diberi padanan sebagai *suria*.

3. Kesimpulan

Setelah mengkaji dan meneliti teks yang telah dilampirkan, suatu analisis teks dapat diutarakan bahawa terdapat pelbagai kaedah terjemahan yang boleh diambil melalui teks yang dipilih. Penggunaan kaedah-kaedah tersebut adalah tidak terikat kepada satu kaedah penterjemahan sahaja tetapi boleh digunakan mengikut kesesuaian konteks ayat. Pemilihan kaedah-kaedah ini adalah bergantung kepada pelbagai aspek, sebagai contoh aspek budaya, aspek makna, dan golongan sasaran yang disasarkan untuk membaca teks terjemahan tersebut merupakan salah satu aspek yang penting untuk dipertimbangkan.

Merujuk kepada teks terjemahan tersebut, kita dapat lihat bahawa penterjemah lebih terjurus untuk menggunakan terjemahan formal berbanding dinamikk. Hal ini menunjukkan bahawa penterjemah lebih selesa untuk terikat dengan mesej teks asal. Hal ini mungkin kerana teks asal dalam bahasa Inggeris juga ditulis dengan menggunakan bahasa yang mudah. Penterjemah juga perlu menyampaikan teks dalam gaya yang paling ringkas kerana golongan sasar pembacanya adalah kanak-kanak.

Rangkuman terhadap analisis yang dilakukan, satu perkara yang dipelajari adalah betapa pentingnya ilmu Penggunaan bahasa Inggeris yang ringkas dalam teks sumber juga menyebabkan proses terjemahan menjurus kepada kaedah formal. Perlu diingatkan juga, golongan sasar untuk teks ini adalah kanak-kanak, maka penggunaan bahasa yang mudah dan ringkas adalah amat perlu untuk menyampaikan mesej teks.

Secara keseluruhannya, dapatlah dirumuskan bahawa penguasaan bahasa sumber dan bahasa sasaran yang baik akan membantu proses menterjemah. Pengetahuan yang tinggi dalam ilmu dan kaedah terjemahan juga akan membantu seseorang penterjemah menyediakan

naskhah terjemahan yang berkualiti. Akhirnya, penterjemah yang bagus adalah mereka yang mampu menyampaikan mesej mesej teks sasaran tetapi masih mengekalkan keindahan dan tatabahasa bahasa sasaran.

4. Rujukan

- Sulaiman Masri. (1993). Teori dan Kerja Peristilahan Dalam Ke Arah pembentukan Istilah Yang Sempurna. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Muhammad, Abdullah Hassan. Teori dan Teknik Terjemahan. (2005). Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Midiyana Mohamad. (2017). Nota Kuliah Bahasa Melayu Undang-Undang II.